



## INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

### Pengetahuan dan Penerimaan Penggunaan Pelekat *WhatsApp* dalam Kalangan Pelajar UIAM Pagoh

**Hazwani Rahmat<sup>1</sup>, Azean Idruwani Idrus<sup>1\*</sup>**

<sup>1</sup>*Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

\**E-mel pengarang koresponden: [azeanidruwaniidrus@iium.edu.my](mailto:azeanidruwaniidrus@iium.edu.my)*

#### ABSTRAK

Proses komunikasi dalam talian menjadi lebih menarik dengan penggunaan pelekat *WhatsApp*. Hal ini disebabkan sifat pelekat itu sendiri yang ringkas serta mudah untuk dikendalikan. Bahkan dengan penggunaan pelekat, pengguna boleh memperhalusi mesej dan mewakili emosi masing-masing tanpa perlu menulis teks panjang. Namun begitu, masih terdapat lagi pengguna yang keliru akan penggunaan fitur unik dalam aplikasi *WhatsApp* ini. Permasalahan ini menjadi objektif utama pengkaji untuk mengenal pasti dan menganalisis pengetahuan dan penerimaan penggunaan pelekat *WhatsApp* para pelajar di UIAM Pagoh. Pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Satu set soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada responden kajian. Bagi mengukur penerimaan pengguna pelekat *WhatsApp* pula, pengkaji telah menjadikan model Penerimaan Teknologi (TAM) melalui empat elemen utama iaitu Persepsi penggunaan berkesan (PU), Persepsi mudah guna (PEOU), Sikap (AT) dan Tingkah Laku (BI) sebagai sandaran teori kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa pengetahuan dan penerimaan responden terhadap penggunaan pelekat *WhatsApp* berada pada tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.37. Kajian ini mendapati bahawa para pelajar masih lagi dalam fasa untuk membiasakan diri dengan penggunaan pelekat *WhatsApp* ini. Justeru, pengkaji mencadangkan kajian analisis perbezaan penggunaan pelekat *WhatsApp* dalam kalangan pelajar UIAM Pagoh dilakukan bagi menunjukkan peringkat formaliti mengaplikasi pelekat *WhatsApp* sepanjang proses komunikasi dalam talian berlangsung.

*Kata kunci: pengetahuan, penerimaan, penggunaan pelekat WhatsApp, model TAM, komunikasi dalam talian.*

## PENGENALAN

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), peratusan penggunaan internet oleh individu meningkat 5.4% mata daripada 84.2% pada 2019 kepada 89.6% pada 2020. Peratusan individu yang menggunakan komputer meningkat 7.9% mata daripada 72.1 % pada 2019 kepada 80.0 % pada 2020. Manakala, peratusan individu yang menggunakan telefon bimbit meningkat 0.3% mata daripada 97.9 % pada 2019 kepada 98.2 % pada 2020. Justeru, dengan kadar peningkatan penggunaan internet ini sekaligus telah meletakkan *WhatsApp* antara salah satu aplikasi yang praktikal kini (Allaguiy, 2014). Aplikasi *WhatsApp* telah membolehkan manusia berkomunikasi dengan pantas kerana pengguna boleh menghantar mesej berupa teks, imej, video, dan mesej audio, menghantar fail serta dokumen-dokumen dan boleh membentuk kumpulan tertentu melaluinya (Noa & Taly, 2016).

Platform aplikasi pesanan mudah alih seperti *WhatsApp* kini dianggap produk komunikasi paling lama digunakan oleh pengguna di seluruh dunia. *WhatsApp* telah dibeli oleh *Facebook* pada 2014 dengan harga lebih RM79 juta. Tambahan itu pula, melalui kenyataan *Computer Network* (CNET), laman web terkemuka Amerika Syarikat dalam ulasan terkininya melaporkan *WhatsApp* muncul sebagai platform rangkaian sosial media ketiga paling popular selepas *Facebook* dan *YouTube*. Sejak Januari 2022 lalu, lebih 2 bilion pengguna aktif *WhatsApp* di 180 negara (Sinar Harian, 2022). Pengguna *WhatsApp* dapat menikmati proses komunikasi yang pantas dengan fitur menarik seperti panggilan video (*video call*), nota suara (*voice note*), fungsi status serta penggunaan emoji dan pelekat. Jelaslah disini, komunikasi antara manusia tidak hanya terbatas secara fizikal sahaja. Kewujudan aplikasi *WhatsApp* telah menjadi platform pilihan utama masyarakat kini untuk saling berinteraksi secara maya antara satu sama lain.

Penggunaan pelekat *WhatsApp* telah pun digunakan secara meluas di Malaysia sejak tahun 2018. Terdapat pelbagai imej serta meme yang lucu telah dijadikan pelekat oleh pengguna *WhatsApp* itu sendiri. Perkara ini sekaligus menunjukkan rakyat Malaysia kaya dengan idea yang kreatif dan inovatif dalam menghasilkan pelbagai pelekat yang lucu. Penggunaan pelekat yang pelbagai ini mampu memeriahkan perbualan seharian pengguna serta membantu mewakili dan menggambarkan emosi semasa pengguna cukup dengan menghantar sekeping pelekat sahaja. Pelekat *WhatsApp* menjadikan pengguna tidak perlu lagi menulis teks panjang apabila ketawa, sebaliknya hanya menghantar pelekat dengan tulisan 'HaHaHa' ataupun pelekat emoji ketawa sudah memadai dalam memastikan penerima mesej mendapat respond jenaka tadi.

Fitur menarik seperti pelekat di aplikasi *WhatsApp* telah menjadi suatu simbol yang mampu menerangkan emosi, perasaan, dan ekspresi pengirim mesej serta berfungsi sebagai pengukuhan mesej yang ingin disampaikan. Tidak dapat dinafikan, pelekat yang dicipta dalam aplikasi *WhatsApp* sememangnya telah mendapat tempat di hati penggunanya lebih-lebih lagi generasi muda yang merasakan penggunaan pelekat merupakan langkah yang cepat dan pantas ketika berkomunikasi dalam talian.

Justeru, kajian ini akan melihat pengetahuan dan penerimaan penggunaan pelekat *WhatsApp* dalam kalangan pelajar UIAM Pagoh serta apakah tahap pengetahuan dan penerimaan penggunaan pelekat responden bagi kajian ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan berpandukan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti pengetahuan dan penerimaan penggunaan pelekat *WhatsApp* dalam kalangan pelajar UIAM Pagoh dan menganalisis pengetahuan dan penerimaan penggunaan pelekat *WhatsApp* dalam kalangan pelajar UIAM Pagoh.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian Kamlin (2020) tentang kemampuan ICT *WhatsApp* sebagai Medium Komunikasi Berkesan mendapati bahawa aplikasi *WhatsApp* telah menjadi medium yang telah memudahkan proses komunikasi, perkongsian, perbincangan serta urusan pengajaran dan pembelajaran para pelajar di Malaysia. Namun begitu, kewujudan pelekat yang tidak berilmiah dan berunsur mesej tabu yang digunakan secara berleluasa dalam kalangan remaja hari ini dilihat sangat membimbangkan. Perkara ini menjadi serius apabila pengguna pelekat tidak dapat mengenal pasti waktu serta kepada siapa pelekat itu dikirimkan. Segelintir mereka menggunakan pelekat yang kurang sopan apabila berurusan dengan individu yang lebih tua mahupun secara formal seperti berkomunikasi bersama guru ataupun majikan. Pengetahuan umum pengguna terhadap kegunaan pelekat di sini dilihat kurang mendapat penghayatannya serta selalu dipandang enteng dan sewenangnyanya walhal ianya akan memberi impak yang negatif lebih-lebih lagi kepada generasi yang akan datang.

Tambahan itu pula, permasalahan lain yang turut muncul dalam kajian ini ialah pengkaji mendapati bahawa masih ramai lagi pengguna *WhatsApp* yang masih keliru tentang perbezaan fitur-fitur yang ditawarkan dalam aplikasi *WhatsApp* ini. Tidak dapat dinafikan bahawa fitur-fitur seperti emoji, *Graphics Interchange Format* (GIF), Mim (Meme), *Emoticon* yang seakan-akan sama dengan pelekat *WhatsApp*. Tampilan pelekat sebenarnya wujud secara beranimasi dan turut boleh diambil daripada sebahagian video yang memiliki kurang dari 15 saat. Pengguna *WhatsApp* boleh mencipta pelekat sendiri secara percuma hanya dengan bermodalkan sekeping gambar mahupun video pendek sahaja. Rentetan

daripada itu, pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian ini bagi melihat pengetahuan dan penerimaan para responden terhadap keistimewaan penggunaan pelekat ini lebih-lebih lagi ketika mereka berkomunikasi dalam talian.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Penggunaan Pelekat *WhatsApp***

Kajian mengenai penggunaan pelekat *Whatsapp* telah dijalankan oleh Nor Hazwani et.al (2021) untuk mengkaji pengalaman pengguna ketika menggunakan pelekat dan GIF dalam platform rangkaian sosial seperti *WhatsApp*, *WeChat*, *Telegram* dan sebagainya. Kaedah yang diguna pakai dalam kajian ini ialah kaedah temu bual. Terdapat 10 orang responden yang berusia lingkungan 20 ke 45 tahun telah ditemu bual oleh pengkaji untuk memperoleh dapatan kajian. Hasil dapatan memperolehi bahawa kebanyakan informan menunjukkan kekerapan yang tinggi untuk menggunakan pelekat berbanding GIF. Tambah informan lagi, penggunaan pelekat dan GIF telah membantu mereka untuk memahami dengan jelas mesej yang ingin disampaikan oleh penyampai mesej.

Menurut kajian oleh Nur Ain Norazlan et.al (2021) yang dilakukan bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi pelajarnya ketika menguasai tatabahasa Bahasa Inggeris. Kaedah yang digunakan oleh beliau ialah melalui kaedah pemerhatian dan menemubual pelajarnya. Hasil dapatan menunjukkan pemberian pelekat *WhatsApp* kepada para pelajar semasa kelas tatabahasa Bahasa Inggeris membantu meningkatkan pencapaian, memotivasikan murid untuk belajar. Pengkaji turut menerima maklum balas yang positif oleh responden kajian beliau.

### **Penerimaan Teknologi berdasarkan Model TAM**

Kajian yang dilakukan oleh Amani Nawi & Umi Hamidatonii (2020) terhadap penggunaan *Microsoft Teams* sebagai platform pembelajaran-satu tinjauan. Tujuan kajian beliau adalah untuk mengkaji kesediaan dan penerimaan pelajar USIM terhadap pelaksanaan sesi pembelajaran dalam talian menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* sebagai medium pembelajaran bergerak. Kaedah yang dijalankan menggunakan kaedah persampelan mudah dari 218 responden dan edaran soal selidik yang telah diagihkan kepada pelajar USIM dan hasil dapatan data dianalisis menggunakan *perisian Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Hasil kajian menunjukkan bahawa para pelajar di USIM memberikan respon yang positif terhadap ketiga-tiga faktor kesediaan dan penerimaan terhadap penggunaan aplikasi *Microsoft 327 Teams* sebagai medium utama pembelajaran iaitu faktor pengetahuan, sikap dan motivasi. Perkara ini sekaligus memberi impak terhadap komitmen mereka bagi menjayakan sesi pembelajaran dalam talian pada masa akan datang.

Seterusnya, Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Wan Ab Aziz Wan Daud & Mohammad Najib Jaffar (2019) telah menjalankan kajian penerimaan pelajar kursus bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) terhadap pembelajaran teradun berteraskan model penerimaan teknologi (TAM). Objektif yang dijalankan dalam kajian beliau adalah untuk mengenal pasti tahap penerimaan pembelajaran teradun kursus Bahasa Arab di UMK. Kaedah yang digunakan oleh beliau ialah kaedah tinjauan Creswell (2011). Terdapat satu set soal selidik telah diagihkan secara rawak kepada 120 orang pelajar Sarjana Muda di UMK yang telah mendaftar kursus Bahasa Arab pada semester 2 sesi 2018/2019. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan empat konstruk utama dalam TAM iaitu persepsi penggunaan berkesan (PU), persepsi mudah guna (PEOU), sikap (AT) dan tingkah laku (BI) mendapati bahawa pendekatan pembelajaran teradun mempunyai potensi yang baik dalam pembaharuan proses Pdp bahasa Arab.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji telah memilih kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik melalui agihan borang soal selidik secara rawak kepada responden kajian. Seramai 35 orang pelajar UIAM Pagoh dijadikan sampel kajian. Satu set borang soal selidik telah dibina oleh pengkaji bagi menjawab objektif yang telah digariskan. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diambil dan diubah suai daripada kajian lepas Muhammad Taufiq et al. (2019) dan sebahagian soalan daripada kajian lepas Amani nawi & Umi Hamidaton (2020). Pengkaji turut mengubah suai soal selidik tersebut mengikut kesesuaian kajian ini. Soal selidik ini mempunyai 24 item yang terdiri daripada tiga bahagian seperti berikut:

- i. Bahagian A (Demografi responden) yang mengandungi 4 pernyataan bagi mendapatkan maklumat latar belakang responden iaitu jantina, umur, kursus dan tempat tinggal.
- ii. Bahagian B (Pengetahuan Penggunaan Pelekat *WhatsApp*). Bahagian ini terdiri daripada 5 pernyataan yang bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar dalam penggunaan pelekat *WhatsApp*.
- iii. Bahagian C (Penerimaan Penggunaan Pelekat *WhatsApp*). Bahagian ini terdiri daripada 15 soalan yang menguji dan melihat penerimaan pelajar terhadap penggunaan pelekat *WhatsApp*. Terdapat empat elemen utama dalam soalan bahagian ini iaitu Persepsi Penggunaan Berkesan (PU), Persepsi Mudah Guna (PEOU), Sikap (AT) dan Tingkah Laku (BI) terhadap penggunaan sticker *WhatsApp* (BI).

Skala Likert digunakan pada bahagian B dan C bagi menilai pernyataan dalam soal selidik dengan skor mata 1 hingga 4. Pengelasan skor mata 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Setuju) dan 4 (Sangat Setuju).

Seterusnya, bagi pengumpulan data kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik, kaedah kepustakaan dan kaedah internet untuk mengumpul sumber dan data bagi mencapai kedua-dua objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Teknik menganalisis data kajian pula dijalankan dengan penelitian dapatan kajian, kemudian data yang diterima direkodkan dan dikategorikan ke dalam perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Seterusnya, pengkaji menggunakan hasil data kuantitatif yang dianalisis secara deskriptif dan dilaporkan menggunakan nilai skor min dalam bentuk penjadualan dan juga penghuraian isi. Nilai interpretasi nilai skor min pengetahuan dan penerimaan penggunaan pelekat *WhatsApp* pelajar UIAM Pagoh adalah berdasarkan kriteria penilaian yang dikemukakan Lewis & Robin (2000) seperti berikut:

**Jadual 2: Nilai Skor Min**

Skor Min	Skor
3.68 – 5.00	Baik
2.34 – 3.67	Sederhana
1.00 – 2.33	Memuaskan

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi Responden

Hasil analisis bahagian demografi responden ini pengkaji mendapati bahawa pelajar perempuan adalah teramai yang menjawab soal selidik ini dengan frekuensi 26 orang mewakili 74.3 peratus. Seterusnya, seramai 18 orang bersamaan 51.4 peratus responden berumur 24 hingga 26 tahun dan 13 orang bersamaan 37.1 peratus responden berumur 21 hingga 23 tahun serta selebihnya merupakan responden yang berumur 27 hingga 29 tahun dengan frekuensi seramai 4 orang mewakili 11.4 peratus. Tambahan itu pula, soal selidik ini telah didominasi oleh pelajar MLCOM dengan keputusan frekuensi 26 orang bersamaan 74.3 peratus manakala kursus ENCOM, ARCOM dan TPHM pula masing-masing mencatatkan frekuensi seramai 3 orang mewakili 8.6 peratus. Akhir sekali, seramai 23 orang responden menetap di bandar dengan peratusan sebanyak 65.7 peratus dan responden yang menetap di luar bandar pula ialah seramai 12 orang mewakili 34.3 peratus keseluruhannya.

## **Pengetahuan penggunaan pelekat WhatsApp pelajar UIAM Pagoh**

Seterusnya, dapatan bahagian B ini pula terdiri daripada lima soalan yang akan menguji pengetahuan responden mengenai penggunaan pelekat *WhatsApp* sepanjang mereka menjalankan pelbagai aktiviti berkomunikasi dalam talian. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan pengguna terhadap pelekat *WhatsApp* menduduki pada tahap sederhana dengan skor min 3.06 secara keseluruhannya. Hal ini sejajar dengan hasil kajian yang mencatatkan nilai min 3.49 pada tahap sederhana bagi mengetahui kemahiran pengguna dalam menggunakan pelekat *WhatsApp* ini. Kemahiran penggunaan pelekat adalah seperti cara untuk memuat naik dan memuat turun pelekat *WhatsApp*. Kemahiran untuk mencipta pelekat sendiri dalam aplikasi *WhatsApp* turut terkandung sebagai kemahiran tentang penggunaan pelekat di sini. Berdasarkan dapatan pada tahap sederhana ini mendapati responden masih lagi memerlukan pendedahan dalam mengendalikan pelekat dalam aplikasi WhatsApp ini.

Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa para pelajar tidak bersetuju bahawa mereka menghadapi kesukaran dalam menggunakan pelekat dengan skor min 1.63 dengan keputusan pada tahap memuaskan dan perkara ini sekaligus membuatkan para responden bersetuju dengan kenyataan bahawa pelekat *WhatsApp* mempunyai banyak kelebihannya dengan nilai min 3.66 pada tahap sederhana. Perkara ini menunjukkan bahawa para responden mengetahui bahawa pelekat *WhatsApp* amat bermanfaat untuk diaplikasikan. Penggunaan pelekat yang pelbagai membantu responden untuk memahami komunikasi secara maya dengan lebih berkesan.

Bukan itu sahaja, kajian mendapati bahawa pengetahuan responden mengenai perbezaan antara pelekat, emoji, emotikon serta GIF di aplikasi *WhatsApp* juga mencatatkan pada tahap yang baik dengan nilai skor min 3.77. Hal ini menunjukkan pengetahuan responden terhadap pelekat WhatsApp amat meluas. Kekeliruan mereka terhadap kepelbagaian fitur dalam aplikasi *WhatsApp* telah diatasi dengan baik. Perkara ini mungkin disebabkan persekitaran remaja hari ini yang lebih gemar menggunakan pelekat berbanding fitur lain seperti GIF, emoticon dan sebagainya.

Akhir sekali, pengkaji turut menguji pengetahuan responden mengenai pendapat mereka tentang adakah mereka akan ketinggalan sekiranya tidak menggunakan pelekat *WhatsApp* dan maklum balas responden mencatatkan pada tahap yang baik dengan keputusan min sebanyak 3.80. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan pelekat dalam kalangan responden amat memberangsangkan. Pengkaji berpendapatan bahawa penggunaan pelekat menjadikan para responden sentiasa maju ke hadapan dengan kemodenan dunia yang serba canggih kini.

### **Penerimaan penggunaan pelekat WhatsApp pelajar UIAM Pagoh Persepsi Penggunaan Berkesan (PU)**

Perbincangan mengenai penerimaan persepsi penggunaan berkesan (PU) merujuk kepada sejauh mana seorang individu itu percaya bahawa menggunakan sistem tertentu akan dapat meningkatkan prestasi individu (Davis, 1989). Maka, hasil analisis mendapati responden bersetuju bahawa pelekat *WhatsApp* dapat meningkatkan keberkesanan proses komunikasi dalam talian para pelajar dengan nilai skor min sebanyak 3.54 pada tahap yang sederhana. Dapatan ini memperlihatkan bahawa penggunaan pelekat diterima baik oleh responden kerana penggunaannya yang mampu meningkatkan proses komunikasi yang berkesan kepada responden.

Pengkaji turut menguji responden dengan soalan mengenai prestasi semasa responden ketika menggunakan pelekat *WhatsApp*, hasil dapatan kajian mencatatkan tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.54 juga. Perkara ini sekaligus memperlihatkan bahawa responden bersetuju bahawa penggunaan pelekat dalam komunikasi dalam talian akan meningkatkan prestasi mereka semasa penglibatan mereka dalam kumpulan *WhatsApp* contohnya. Penggunaan pelekat yang pelbagai dalam kumpulan *WhatsApp* mampu menunjukkan bahawa seseorang tu sedang dalam mood yang baik untuk meneruskan perbualan hingga akhirnya.

Manakala, persepsi penggunaan berkesan responden juga membincangkan mengenai produktiviti semasa responden dalam menggunakan pelekat *WhatsApp*. Hasil kajian mendapati produktiviti responden meningkat dengan nilai skor min sebanyak 3.57 pada tahap sederhana. Produktiviti yang dimaksudkan di sini ialah seperti bagaimana responden merasakan dengan penggunaan pelekat menjadikan mereka lebih aktif ketika berinteraksi dengan kenalan dalam aplikasi *WhatsApp*. Justeru, dengan dapatan pada soalan ini menunjukkan responden bersetuju bahawa pelekat whatsapp membantu menjadikan mereka lebih aktif semasa berkomunikasi dalam talian.

Tambahan itu pula, responden turut bersetuju dengan kenyataan bahawa pelekat *WhatsApp* sangat berguna dengan keputusan min 3.74 pada tahap yang baik. Jelaslah bahawa responden sangat menerima baik penggunaan pelekat kerana pelbagai manfaat yang diperolehi hasil menggunakan pelekat ketika berborak dan berbincang menggunakan platform aplikasi *WhatsApp* ini.

### **Persepsi Mudah Guna (PEOU)**

Menurut Davis (1989), Persepsi mudah guna (PEOU) ditakrifkan sebagai pandangan individu terhadap penggunaan suatu sistem tertentu di mana ia mudah difahami dan tidak sukar untuk dipelajari. Justeru, secara ringkasnya persepsi kemudahgunaan membawa maksud individu itu tidak memerlukan banyak usaha



dari segi masa dan tenaga dalam menggunakan pelekat *WhatsApp* sepanjang komunikasi dalam talian. Terdapat 4 soalan yang diajukan oleh pengkaji dalam meninjau penerimaan pelajar UIAM Pagoh terhadap kemudahan yang ditawarkan oleh pelekat *WhatsApp* ini. Setelah dianalisis, para pelajar bersetuju bahawa pelekat *WhatsApp* mudah digunakan dengan keputusan min 3.77 pada tahap yang baik. Perkara ini memperlihatkan bahawa penerimaan responden terhadap persepsi mudah guna pelekat *WhatsApp* amat memberangsangkan. Aspek mudah yang cuba dimaksudkan di sini ialah seperti pengguna tidak memerlukan masa yang lama untuk menggunakan dan memahami penggunaan pelekat itu sendiri.

Bukan itu sahaja, responden turut menyatakan bahawa berkomunikasi secara maya menggunakan pelekat *WhatsApp* telah memudahkan dan membantu interaksi mereka menjadi lebih jelas dan mudah difahami dengan keputusan nilai skor min masing-masing 3.63 dan 3.60 pada tahap sederhana. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat jurang yang sedikit antara responden dan pelekat *WhatsApp* dalam aspek untuk saling digunakan ketika berkomunikasi secara maya. Jelaslah bahawa penggunaan pelekat telah memudahkan responden menggunakan *WhatsApp* sebagai platform untuk berkomunikasi secara maya.

Akhir sekali, persetujuan mereka tentang pelekat *WhatsApp* lebih mudah digunakan berbanding *Graphic Interchange Format* (GIF) juga merekodkan 3.71 nilai min pada tahap yang baik. Hal ini secara tidak langsung membuktikan responden menerima baik pelekat *WhatsApp* berdasarkan persepsi mudah gunanya dalam berkomunikasi dalam talian. Manakan tidak, walaupun fungsi GIF yang seakan sama dengan pelekat, namun responden lebih memilih untuk menggunakan pelekat *WhatsApp* yang bersifat ringkas, lucu serta mudah digunakan ini.

### **Sikap (AT)**

Perbincangan diteruskan dengan meninjau apakah sikap para pelajar terhadap penggunaan pelekat *WhatsApp* semasa berkomunikasi dalam talian. Menurut Larocca (2017) dan Cusso – Calabuig et al. (2018) menyatakan pelajar yang menggunakan teknologi dengan baik mampu memberi kesan emosi yang baik (seronok) dan secara tidak langsung efikasi sendiri mereka meningkat dengan seiring juga. Justeru dalam konteks melihat Sikap (AT) ini, berdasarkan jadual di atas, kajian mendapati item Saya suka akan idea pelekat *WhatsApp* memperoleh skor min pada tahap baik iaitu sebanyak 3.74. Hal ini memperlihatkan bahawa responden bersikap positif terhadap idea pelekat *WhatsApp* yang lucu dan ringkas ini. Sifat pelekat itu sendiri yang menonjolkan bahasa bukan lisan menjadikannya lebih mudah untuk difahami walaupun tanpa penulisan teks panjang.

Bagi mengukur sikap responden terhadap pelekat *WhatsApp* ini juga pengkaji mendapati bahawa responden mempunyai sikap yang lebih positif terhadap pelekat *WhatsApp* dengan keputusan skor min 3.63 pada tahap sederhana. Sikap positif yang cuba dijelaskan di sini adalah sikap untuk responden cenderung menggunakan pelekat berdasarkan kemahuan diri sendiri dan bukanlah kawalan daripada mana-mana pihak untuk menggunakannya. Sikap positif ini juga menunjukkan responden sangat terbuka hati dan merasakan pelekat *WhatsApp* bukanlah suatu perkara yang negatif untuk dicuba dan diaplikasi sepanjang berkomunikasi secara maya ini.

Bukan itu sahaja, responden turut bersetuju bahawa pelekat *WhatsApp* merupakan idea yang baik dengan keputusan dengan nilai skor min 3.66 pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa responden bersikap terbuka terhadap pelekat *WhatsApp* kerana idea yang terkandung dalam pelekat *WhatsApp* merupakan idea yang baik untuk digunakan sepanjang berinteraksi dalam talian.

Akhir sekali, sikap responden terhadap penerimaan pelekat whatsapp ini mendapati item Saya percaya pelekat *WhatsApp* adalah idea yang bernas untuk berkomunikasi secara maya merekodkan nilai skor min 3.74 pada tahap yang baik. Jelaslah bahawa pelekat *WhatsApp* telah diterima baik oleh para pelajar UIAM Pagoh kerana idea disebalik pelekat *WhatsApp* itu sendiri merupakan idea yang bernas untuk digunakan di diaplikasi oleh pengguna *WhatsApp*

### **Tingkah Laku (BI)**

Pengkaji juga turut meninjau maklum balas tingkah laku (BI) responden mengenai penggunaan pelekat *WhatsApp*. Responden menyatakan akan menggunakan pelekat *WhatsApp* sewaktu komunikasi dalam talian dengan keputusan skor min 3.51 serta akan menggunakan pelekat *WhatsApp* tidak kira waktu dan keadaan pada skor min 2.97 yang masing- masing mencatatkan pada tahap yang sederhana. Melalui dapatan tersebut, pengkaji merasakan bahawa responden menerima baik penggunaan pelekat *WhatsApp* dalam proses interaksi secara maya mereka kerana tingkah laku responden itu sendiri yang menunjukkan bahawa pelekat *WhatsApp* menjadi satu kepastian buat mereka untuk digunakan dalam komunikasi sehari-hari.

Sungguhpun begitu, kajian mendapati bahawa responden tidak bersetuju mereka akan menggunakan pelekat *WhatsApp* semasa berkomunikasi secara formal dengan keputusan pada tahap memuaskan mewakili skor min 2.06 sahaja. Perkara ini menunjukkan para pelajar UIAM Pagoh mengetahui bahawa apabila berinteraksi secara formal, penggunaan bahasa yang formal juga perlu diguna pakai bagi menjaga imej dan maruah diri. Penggunaan pelekat yang sewenangnyanya ketika berinteraksi secara formal akan membuatkan pelbagai kebarangkalian yang tidak elok seperti akan dianggap tidak sopan dan tidak beradab oleh segelintir

pihak lain. Justeru, jelaslah tingkah laku responden terhadap penerimaan mereka dalam penggunaan pelekat *WhatsApp* telah diterima baik oleh mereka.

## KESIMPULAN

Hasil kajian mencatatkan tahap pengetahuan dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan pelekat *WhatsApp* adalah pada tahap sederhana dengan nilai skor min 3.37 bagi dua objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Perkara ini menunjukkan gambaran positif mengenai penggunaan pelekat *WhatsApp* dalam kalangan para responden khususnya kerana sifat pelekat itu sendiri yang ringkas dan mudah diaplikasi oleh mereka sepanjang berkomunikasi dalam talian. Elemen dalam TAM juga berjaya menunjukkan penerimaan responden terhadap kajian yang dijalankan ini.

Tuntasnya, berdasarkan penelitian kajian ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kajian ini menunjukkan para pelajar masih lagi dalam fasa untuk mengenal dan membiasakan diri dengan penggunaan pelekat *WhatsApp*. Komunikasi dalam talian juga menjadi lebih mudah dan pantas. Penggunaan pelekat *WhatsApp* berjaya menonjolkan keistimewaan bahasa bukan lisan meskipun komunikasi berjalan secara maya sahaja. Secara keseluruhannya, pengkaji boleh merumuskan bahawa empat elemen dalam TAM wujud dalam pengaplikasian pelekat *WhatsApp* para pelajar UIAM Pagoh.

## RUJUKAN

- Allagui, B. (2014). Writing through WhatsApp: An Evaluation of Students Writing Performance. *International Journal of Mobile Learning and Organisation*, 8(3-4), 216-231.
- Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin (2021). Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah, Malaysia, 2020. Jabatan Perangkaan Malaysia.  
[https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=395&bul\\_id=OW](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=395&bul_id=OW)
- Davis, F. D., Bagozzi, R. P., & Warshaw, P. R. (1989). User acceptance of computer technology: A comparison of two theoretical models. *Management science*, 35(8), 982- 1003.
- Davis, F.D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-339.
- Dr Ir Muhidin Arifin (2022). Kaji kesan penggunaan WhatsApp. Sinar Harian 2022.

<https://www.sinarharian.com.my/article/106517/KOLUMNIS/Kaji-kesan-penggunaanWhatsApp>

- Ghani, M. T. A., Daud, W. A. A. W., & Jaffar, M. N. (2019). Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab Di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun Berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 84-94.
- Kamlin, M., & Keong, T. C. (2020). Kemampuan ICT ‘WhatsApp’ sebagai Medium Komunikasi Berkesan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 178-183. Lewis & Robin. (2000). Statistik untuk pengurusan. Prentice Hall
- Nawii, A., & Hamidaton, U. (2020). Penerimaan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Terhadap Penggunaan Microsoft Teams Sebagai Platform Pembelajaran–Satu Tinjauan.
- Noa Aharony, Taly Gazit, (2016) The importance of the WhatsApp Family Group: an exploratory analysis. *Aslib Journal of Information Management*, 68(2), 174-192, <https://doi.org/10.1108/Ajim-09-2015-0142>
- Nor Hazwani Munirah Lateh, Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif, Nazatul Syima Mohd Nasir, Amaal Fadhlina Mohamed, Khairul Hisham Baharuddin and Fairuz A’dilah Rusdi. (2021). Using Stickers and Gif On Social Network Communication: Users’ Experience And Preference.
- Norazlan, N. A., Hashim, H. U., Yunus, M. M., & Hashim, H. (2021). WhatsApp Stickers: A Reward System to Boost Students’ Motivation in Learning Grammar. [UvVnV5SHI2WFU2VFhnQ2ZjTm1Bdz09&menu\\_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09](https://doi.org/10.1108/Ajim-09-2015-0142)